

312
NO. SOALAN : ~~315~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

SOALAN :

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penduduk di Sarawak. Senaraikan mengikut tahun, bangsa dan agama bermula dari tahun 2000 sehingga sekarang. Juga secara khususnya bagi kawasan Bahagian Kuching, Sibul, Miri dan Bintulu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bilangan penduduk di Sarawak dianggarkan berjumlah **2.7 juta** orang pada tahun **2016**. Taburan penduduk yang **berwarganegara Malaysia** mengikut kumpulan etnik utama di Sarawak mencatatkan **Bumiputera** sebanyak **1.9 juta** orang (70.5 %), **Cina 616 ribu** orang (22.5 %), **India 7.5 ribu** orang (0.3 %) dan **7.9 ribu** orang (0.3 %) **Etnik Lain-lain**.

Bilangan penduduk mengikut **kumpulan etnik** dan **agama** diperoleh daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia setiap sepuluh tahun sekali.

Sekian, terima kasih.

November 2016

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB TUAN JULIAN TAN KOK PIN**
[STAMPIN]
SOALAN : **313**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan pendirian Kerajaan dalam fenomena "*Unidentified Flying Object*" (UFO). Senaraikan secara terperinci kes-kes yang pernah dilaporkan mengikut kawasan serta tahun. Senaraikan badan-badan yang sedia ada dalam pengajian terhadap fenomena tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian ini berpendirian bahawa sebarang dakwaan oleh mana-mana pihak mengenai kewujudan objek terbang yang tidak dapat dikenal pasti atau di dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *Unidentified Flying Object* (UFO) di Malaysia perlu disahkan terlebih dahulu kewujudannya secara saintifik. Pengesahan yang akan dijalankan termasuklah bagi memastikan sama ada objek atau fenomena tersebut adalah merupakan objek atau fenomena biasa yang telah disahkan sedia wujud atau kelihatan di Bumi, ataupun ia merupakan objek atau fenomena asing yang tidak pernah kelihatan atau wujud di Bumi dan datang dari angkasa lepas.

Kementerian ini tidak pernah menolak kemungkinan wujudnya kehidupan di alam semesta selain daripada kehidupan yang sedia ada di Bumi seperti juga yang diterima pakai oleh komuniti saintifik di seluruh dunia. Kementerian ini juga sentiasa mengalu-alukan sebarang bukti saintifik daripada mana-mana pihak mengenai kewujudan kehidupan di alam semesta selain daripada kehidupan yang sedia wujud di Bumi.

UFO juga seringkali dikaitkan dengan kehadiran “makhluk asing” dari angkasa lepas yang kononnya jauh lebih pintar, lebih bijak serta jauh lebih maju tamadunnya daripada manusia. Komuniti saintifik di seluruh dunia sebenarnya sedang mencari bukti tentang kewujudan hidupan di alam semesta selain daripada di Bumi dan sehingga kini, sains masih belum dapat lagi membuktikannya dan masih lagi menunggu data yang berwibawa dari angkasa lepas bagi membuktikan perkara tersebut.

Pengesahan UFO akan dilakukan secara saintifik di mana pendakwa perlu mengemukakan bukti-bukti saintifik ke atas dakwaan-dakwaan yang telah diutarakan dan Kementerian ini juga hanya menerima pakai maklumat atau data yang dapat dibuktikan secara saintifik sahaja. Setakat ini kesemua aduan atau kes-kes yang pernah dilaporkan berkaitan dengan fenomena UFO di Malaysia, masih tidak dapat lagi dibuktikan secara saintifik sebagai objek atau fenomena atau makhluk asing.

Empat kejadian yang telah dilaporkan kepada Kementerian ini termasuklah fenomena “makhluk hijau bermata merah” di zon Tengah iaitu di Tanjung Sepat, Selangor pada Oktober 1995. Siasatan oleh Kementerian ini mendapati bahawa tiada bukti-bukti saintifik yang menyokong dan hanya merupakan ilusi penduduk tempatan. Kejadian

kedua merupakan fenomena “kawah berbentuk Y” yang disangka sebagai tapak pendaratan UFO di zon Timur iaitu di Kampung Gobek, Tanah Merah, Kelantan pada 6 Mac 2000. Siasatan menunjukkan bahawa ia merupakan kesan “Hidro-Geologi” iaitu kesan takungan air selepas kejadian hujan lebat di kawasan tersebut.

Kejadian ketiga merupakan fenomena “cahaya hijau-putih” berlaku di zon Selatan iaitu di Larkin, Johor Bahru pada 17 Mac 2009. Hasil siasatan menunjukkan bahawa cahaya tersebut sebenarnya datang daripada layang-layang LED kawalan radio yang diterbangkan sempena Sambutan Perayaan Hari Kebangsaan Singapura ke-42 di Singapura.

Kejadian keempat merupakan fenomena “dengkuran dari kaki langit” di zon Sabah/Sarawak iaitu di Kampung Endap, Kota Samarahan, Sarawak pada 11 dan 12 Januari 2012. Hasil siasatan mendapati suara dengkuran sebenarnya berasal daripada bunyi dandang sebuah kilang kelapa sawit di Kampung Endap yang sedang dikalibrasi secara automatik.

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini Agensi Angkasa Negara adalah merupakan badan yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan siasatan ke atas sebarang laporan atau aduan mengenai fenomena UFO kepada Kementerian ini. Pada masa yang sama, Kementerian ini akan mendapatkan bantuan daripada kementerian dan organisasi lain yang berkaitan seperti Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jabatan Penerbangan Awan (DCA) dan lain-lain agensi yang dirasakan bersesuaian mengikut kes. Pada masa ini juga tiada badan khusus yang menjalankan kajian bidang UFO di

Malaysia namun terdapat beberapa badan sedia ada yang menjalankan pengajian terhadap fenomena UFO di luar negara seperti *Center For UFO Studies* (CUFOR), *UFO Research Incorporated* (UFOR) yang merupakan badan bukan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

SOALAN : 314

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kenderaan yang telah didaftarkan di Sarawak. Senaraikan daripada segi tahun ianya didaftarkan, jenis serta mengikut bahagian kawasan (*division*) semenjak tahun 2008. Nyatakan jumlah kenderaan yang dianggarkan wujud di keseluruhan kawasan bahagian Kuching.

JAWAPAN

Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sehingga 31 Oktober 2016, jumlah kenderaan dan motosikal yang telah didaftarkan di Negeri Sarawak adalah sebanyak 1,758,688 buah termasuklah sebanyak 768,789 buah di Bahagian Kuching.

Semenjak tahun 2008 sehingga 31 Oktober 2016, sebanyak 716,705 buah kenderaan dan motosikal telah didaftarkan di Negeri Sarawak. Maklumat pendaftaran mengikut tahun, jenis dan bahagian kawasan adalah seperti jadual yang dilampirkan.

Senarai dari segi tahun, jenis serta mengikut kawasan adalah seperti jadual di bawah :

KENDERAAN	TAHUN	KUCHING	SERIAN	SRI AMAN	KAPIT	SARIKEI	SAMARAHAN	BETONG	BINTULU	SIBU	LIMBANG	MIRI	MUKAH	LAWAS
1.MOTOSIKAL	2008	12868	0	730	463	4080	472	3	2689	6262	887	4832	71	60
1.MOTOSIKAL	2009	11667	0	649	484	3140	518	115	2766	5571	508	4509	547	205
1.MOTOSIKAL	2010	13467	0	601	520	3912	828	193	3395	6184	654	5107	637	306
1.MOTOSIKAL	2011	14948	0	1317	752	4418	1061	354	4341	8075	589	5901	834	327
1.MOTOSIKAL	2012	16855	0	1036	922	3798	1812	417	4333	9171	746	6654	1001	408
1.MOTOSIKAL	2013	14979	0	864	795	4227	2945	386	4777	9625	619	6739	866	447
1.MOTOSIKAL	2014	12891	0	938	935	3219	3208	348	4719	9248	615	6265	882	453
1.MOTOSIKAL	2015	11207	0	610	606	2454	1911	289	3594	7349	484	4469	1045	350
1.MOTOSIKAL	2016	4954	0	453	440	892	994	130	1992	4083	444	2698	853	244
2.MOTOKAR	2008	16809	0	766	147	2186	28	0	2652	5626	375	6545	6	1
2.MOTOKAR	2009	17582	0	729	155	1506	322	43	3411	5811	229	6652	81	6
2.MOTOKAR	2010	17279	0	650	122	2335	1647	40	3728	5883	189	7927	46	24
2.MOTOKAR	2011	16961	0	1887	106	1995	844	63	4320	6884	175	8728	19	17
2.MOTOKAR	2012	18183	0	1700	114	1676	1107	88	5130	7660	188	10094	33	25
2.MOTOKAR	2013	18998	0	960	77	2888	2732	82	5007	7614	144	10680	22	14
2.MOTOKAR	2014	14287	0	780	42	1765	2095	80	4294	7746	83	9233	12	7
2.MOTOKAR	2015	7506	0	875	31	964	203	25	2927	4883	54	6084	2	1
2.MOTOKAR	2016	3788	0	515	13	385	91	2	1154	1941	31	2482	3	3
3.BAS	2008	33	0	0	0	1	0	0	1	5	0	4	0	0
3.BAS	2009	53	0	6	0	4	0	0	2	7	0	8	0	0
3.BAS	2010	48	0	0	0	8	1	0	1	5	0	15	1	0
3.BAS	2011	48	0	0	0	2	0	0	3	3	0	9	0	0
3.BAS	2012	49	0	0	0	2	0	0	2	6	0	9	0	0
3.BAS	2013	31	0	0	0	4	0	0	0	5	0	31	0	0
3.BAS	2014	47	0	0	0	2	0	0	2	7	0	9	0	0
3.BAS	2015	9	0	0	0	3	0	0	4	5	0	4	0	0
3.BAS	2016	2	0	0	0	0	0	0	1	0	0	8	0	0
4.TEKSI	2008	32	0	0	0	0	0	0	1	42	0	16	0	0
4.TEKSI	2009	37	0	2	0	2	0	0	9	34	1	17	0	0
4.TEKSI	2010	49	0	0	0	2	8	0	15	17	0	20	0	0
4.TEKSI	2011	71	0	0	1	3	1	0	17	19	0	29	0	0

KENDERAAN	TAHUN	KUCHING	SERIAN	SRI AMAN	KAPIT	SARIKEI	SAMARAHAN	BETONG	BINTULU	SIBU	LIMBANG	MIRI	MUKAH	LAWAS
4.TEKSI	2012	75	0	0	0	0	5	0	24	25	0	30	0	0
4.TEKSI	2013	41	0	0	0	3	4	0	13	21	0	25	0	0
4.TEKSI	2014	26	0	0	0	0	2	0	15	10	0	9	0	0
4.TEKSI	2015	1	0	0	0	0	0	0	19	7	0	9	0	0
4.TEKSI	2016	0	0	0	0	0	0	0	2	3	0	4	0	0
5.KERETA PANDU SENDIRI	2008	6	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
5. KERETA PANDU SENDIRI	2009	5	0	0	0	0	0	0	1	1	0	1	0	0
5. KERETA PANDU SENDIRI	2010	12	0	0	0	0	0	0	1	2	0	5	0	0
5. KERETA PANDU SENDIRI	2011	218	0	2	0	2	1	0	9	9	0	1	0	0
5. KERETA PANDU SENDIRI	2012	49	0	0	0	0	0	0	1	1	0	2	0	0
5. KERETA PANDU SENDIRI	2013	102	0	0	0	0	0	0	0	3	0	7	0	0
5. KERETA PANDU SENDIRI	2014	113	0	1	0	0	1	0	0	0	0	27	0	0
5. KERETA PANDU SENDIRI	2015	93	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0
5. KERETA PANDU SENDIRI	2016	86	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5	0	0
6.KENDERAAN BARANGAN	2008	1050	0	4	2	58	18	0	249	1562	19	552	0	0
6.KENDERAAN BARANGAN	2009	1117	0	3	9	42	20	0	335	1109	14	505	1	0
6.KENDERAAN BARANGAN	2010	1486	0	2	5	110	76	0	453	1252	11	653	3	4
6.KENDERAAN BARANGAN	2011	1283	0	92	4	103	30	1	532	1492	5	865	2	6
6.KENDERAAN BARANGAN	2012	1402	0	50	4	55	15	0	603	1602	11	711	0	0
6.KENDERAAN BARANGAN	2013	1427	0	8	5	173	94	0	409	1501	0	539	0	1
6.KENDERAAN BARANGAN	2014	1329	0	8	4	40	61	0	308	1369	3	573	0	1

KENDERAAN	TAHUN	KUCHING	SERIAN	SRI AMAN	KAPIT	SARIKEI	SAMARAHAN	BETONG	BINTULU	SIBU	LIMBANG	MIRI	MUKAH	LAWAS
6.KENDERAAN BARANGAN	2015	1033	0	7	0	25	39	0	254	1153	0	280	2	0
6.KENDERAAN BARANGAN	2016	778	0	0	0	18	58	0	163	728	0	243	9	0
8. LAIN	2008	1186	0	2	0	10	4	0	440	718	1	631	0	0
8. LAIN	2009	910	0	1	0	30	2	1	382	468	3	351	1	0
8. LAIN	2010	1226	0	1	3	17	28	0	421	602	1	558	1	3
8. LAIN	2011	1412	0	8	0	17	7	0	471	873	4	825	1	0
8. LAIN	2012	1605	0	14	1	20	2	0	646	906	2	838	0	0
8. LAIN	2013	1303	0	8	0	59	24	0	475	953	2	419	0	1
8. LAIN	2014	952	0	1	0	20	28	0	515	914	2	478	1	0
8. LAIN	2015	756	0	11	0	20	28	0	462	697	2	315	0	0
8. LAIN	2016	516	0	2	0	10	35	1	313	479	0	242	0	0
8. LAIN														
JUMLAH		267336	0	16293	6762	46706	23410	2661	72803	138231	7095	125512	6982	2914